



# BUKAN MITOS!

## ■ Penemuan terbaru penyelidik UPM bukti Hang Tuah wujud

Oleh Rizanizam Abdul Hamid  
mrizanizam@hmetro.com.my  
**Kuala Lumpur**

**P**enemuan dua penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai bukti terkini kewujudan Laksamana Hang Tuah diharap dapat menafikan pandangan sesetengah pakar sejarah yang mengatakan kononnya kisah pahlawan legenda Melayu itu mitos.

Pengerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Melayu (IKSEP) Prof (Adj) Datuk Dr Mohd Jamil Mukmin berkata, selama ini kewujudan Hang Tuah bersandarkan kepada beberapa nukilan tempatan, antaranya *Hi-kayat Hang Tuah* dan *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*).

“Walaupun penemuan fakta terbaru itu belum dapat

disahkan kerana penyelidik terbabit perlu bertemu pakar sejarah serta meneliti manuskrip lama di Sepanyol dan Portugal, sekurang-kurangnya kita ada penemuan terkini mengatakan Hang Tuah wujud sekali gus menolak pandangan mereka yang mengatakan kisahnya mitos.

“Memang kita tidak boleh nafikan ada ahli sejarah Melayu yang berpandangan Hang Tuah hanya mitos, mungkin disebabkan terlalu banyak tokok tambah seperti mempunyai kesaktian dan hidup sehingga ke hari ini,” katanya.

Beliau mengulas laporan muka depan Harian Metro semalam mengenai fakta yang tercatat di dalam buku *Notes of Leonardo da Vinci* mengenai pertemuan antara pelukis potret Mona Lisa, Leonardo da Vinci dan Hang Tuah di Ero-



**LAPORAN** Harian Metro,  
semalam.

pah antara 1503 hingga 1506 sekali gus membuktikan pahlawan legenda Melayu itu benar-benar wujud.

Dalam catatan itu, da Vinci menulis ‘saya melukis kendaraan selepas berjumpa dengan orang kaya Melaka’ dan perkataan selepas itu tidak jelas sama ada disebut laksamana atau Hang Tuah.

Penemuan terbaru itu di-dedahkan Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM Dr Rohaidah

Kamaruddin dan Profesor Linguistik Melayu dari fakulti sama Prof Emeritus Dr Has-him Musa.

Mengulas lanjut, Dr Mohd Jamil berkata, beliau menghargai sumbangan kedua-dua pensyarah berke-naan dalam kajian pahlawan Melayu itu sehingga meng-hasilkhan buku *Hang Tuah: Catatan Okinawa* yang men-ceritakan mengenai kewujudan laksamana tersohor itu ketika zaman kegemilangan Empayar Melaka.